

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Alkohol berasal daripada kalimah bahasa Arab iaitu *al-kuḥūl* yang bermaksud intipati. Ia merupakan cecair yang mudah terbakar dan memabukkan (terdapat di dalam minuman keras dan lain-lain). Ia juga bererti minuman keras.¹ Manakala dalam ilmu kimia, alkohol diertikan sebagai sebatian organik atau hidrokarbon yang mempunyai kumpulan fungsi (-OH).² Alkohol mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam pelbagai industri. Malah ia merupakan sebatian yang amat penting di dalam pemprosesan atau penghasilan sesuatu produk seperti ubat-ubatan, kosmetik, makanan, minyak wangi dan lain-lain. Ia juga merupakan komponen utama di dalam minuman keras. Namun, hukum penggunaannya akan berubah dengan berubahnya *'illah* dan faktor-faktor luaran.

Disertasi ini membincangkan isu berkaitan penggunaan alkohol (etanol) dalam pemakanan menurut perspektif syarak. Isu alkohol merupakan isu yang sering dibincangkan di peringkat tempatan mahaupun antarabangsa. Ia sangat berkait rapat dengan isu arak. Situasi ini berlaku disebabkan wujudnya dakwaan mengatakan bahawa penggunaan alkohol adalah haram. Apabila bercakap tentang alkohol sudah pasti terbit dalam minda adalah haram, walhal tidak semua alkohol itu haram. Ini kerana mereka

¹ Noresah bt. Baharom (2007), et. al., (eds), *Kamus Dewan*, ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

² Bohari Mohd. Yatim 'Alkohol Sebagai Bahan Kimia Dan Kegunaannya Dalam Kehidupan' dalam Mohd Ridzuan b. Awang (1988), *Isu-isu Syariah dan Undang-undang*, Siri Kumpulan Kertas Kerja. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 37.

mentafsirkan alkohol itu adalah *al-khamr* sedangkan ia mempunyai maknanya tersendiri.

Namun, segelintir golongan mempunyai pemahaman yang mendalam dalam isu ini dan menyangkal dakwaan di atas dengan mengatakan bahawa penggunaan alkohol adalah harus. Ini disebabkan ia bergantung kepada tahap peratusannya dan juga niat penggunaan alkohol tersebut. Justeru, disertasi ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmanakah kebenaran dakwaan yang dibuat oleh dua golongan tersebut. Antara perbincangan yang disentuh dalam disertasi ini ialah tentang konsep arak dari perspektif Islam dan konsep alkohol. Selain itu, pengkaji akan mengenalpasti beberapa jenis makanan dan minuman yang mengandungi etanol dan menjalankan kaedah pemprosesan secara fermentasi. Ini adalah kerana etanol akan wujud di dalam makanan yang melalui proses fermentasi. Seterusnya menilai hukum penggunaan etanol di dalam makanan dan minuman tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Seiring perkembangan sains dan teknologi, pelbagai isu baru timbul dan memerlukan kepada penentuan hukum. Begitu juga alkohol (etanol) yang semakin digunakan secara berleluasa dalam industri-industri bahan api, pembuatan kosmetik, ubat-ubatan, minyak wangi, makanan dan minuman dan sebagainya.

Kekeliruan mengenai alkohol masih lagi berlaku dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia. Alkohol difahami oleh mereka secara umum sebagai arak. Oleh yang demikian sesuatu yang berkaitan dengan alkohol akan menimbulkan keraguan. Istilah 'alkohol' akan memberi gambaran sesuatu itu haram digunakan. Oleh itu,

penggunaan alat kosmetik, minyak wangi, ubat-ubatan dan sebagainya yang melibatkan alkohol haram digunakan. Begitu juga penggunaan alkohol (etanol) dalam makanan dan minuman masih dalam keraguan.

Industri minuman dan makanan banyak menggunakan bahan perisa dan pewarna. Secara umumnya, etanol atau etil alkohol berfungsi sebagai pelarut untuk pengekstrakan bahan pewarna dan perisa serta penstabil minuman ringan dalam industri makanan dan minuman. Masalah timbul, apakah hukum etanol yang digunakan sebagai pelarut bahan perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman? Bagaimanakah status hukum makanan dan minuman yang menggunakan bahan perisa dan pewarna tersebut?

Pengharaman arak telah diketahui umum adalah haram secara *qat`i*. Ia diharamkan kerana wujudnya nas-nas yang mengharamkannya serta *'illah* memabukkan. Kini, kajian kimia mendapati arak itu mabuk disebabkan kandungan alkohol (dikenali sebagai etanol atau etil alkohol) yang terdapat di dalamnya. Namun, persoalannya, adakah makanan dan minuman yang mengandungi alkohol (etanol) juga turut diharamkan?

Kebanyakan masyarakat tidak menyedari hakikat bahawa makanan dan minuman yang dimakan oleh mereka seharian mengandungi alkohol (etanol). Mungkin juga ia merupakan salah satu daripada makanan kegemaran mereka seperti tapai, tempe, kicap, sos, keju, yogurt, minuman kordial, aiskrim, roti, kek, dadih, pekasam, budu, cencaluk dan lain-lain lagi. Hanya segelintir sahaja yang menyedari makanan dan minuman tersebut mengandungi alkohol (etanol). Maka, pelbagai persepsi dan penilaian hukum dibuat. Oleh demikian, pengkaji juga ingin mengkaji beberapa sampel makanan dan minuman yang mengandungi alkohol (etanol) iaitu tempe, kicap dan tapai.

Seterusnya pengkaji menjelaskan hukum etanol semulajadi dalam makanan berfermentasi tersebut serta status makanan tersebut.

Melihat senario ini, pengkaji merasakan konsep alkohol yang sebenar perlu dibincangkan. Konsep ini perlu diberi penekanan supaya masyarakat dapat memahami dengan baik dan betul. Oleh yang demikian, kajian ini akan mencuba mengkaji dan meleraikan kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat berkaitan hukum penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman. Ini amat penting memandangkan isu ini berkaitan dengan isu halal dan haram atau isu kepenggunaan dalam soal makan dan minum.

1.3 Masalah Kajian

Industri makanan semakin berkembang dari semasa ke semasa seiring berkembangnya teknologi moden kini yang memudahkan serta mempercepatkan penghasilan produk-produk makanan dan minuman. Makanan dan minuman akan ditambah dengan bahan kimia tambahan sebagai pengawet, perasa, pewarna untuk menjadikan makanan dan minuman tersebut tahan lama dan mengekalkan rasa asli serta sedap dimakan.

Alkohol (etanol) merupakan bahan kimia tambahan yang digunakan dalam pengawetan makanan. Ia berfungsi sebagai bahan pelarut dalam pewarna dan perasa makanan serta digunakan sebagai penstabil dalam minuman ringan. Namun begitu, penggunaan alkohol dalam pengawetan makanan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam. Kekeliruan ini berpunca daripada salah faham mereka dalam mendefinisikan istilah alkohol. Dalam erti kata lain, mereka menyamakan istilah

alkohol dengan istilah arak. Justeru, apakah definisi alkohol dari perspektif Islam dan sains? Dan apakah perbezaan antara istilah alkohol dan arak?

Etanol atau etil alkohol adalah salah satu jenis daripada jenis-jenis alkohol. Etanol dihasilkan melalui dua kaedah iaitu kaedah fermentasi atau penapaian dan kaedah sintesis (makmal). Proses fermentasi dalam pembuatan arak akan menghasilkan etanol. Selain itu, etanol juga terhasil melalui proses fermentasi daripada pelbagai sumber seperti hasil sampingan daripada proses hasil tanaman (molas, sirap betari manis, likuor sulfit terguna dan lain-lain), tanaman bergula (tebu, bit gula, betari dan lain-lain), bijirin (jagung, gandum, beras dan lain-lain), (ubi kayu, keladi, kentang dan lain-lain) dan sumber pelbagai (sagu). Oleh yang demikian, bagaimanakah proses penghasilan etanol daripada arak dan sumber-sumber berkarbohidrat? Apakah hukum etanol yang dihasilkan daripada kedua-dua sumber ini? Adakah proses fermentasi hanya untuk membuat arak?

Di Malaysia, terdapat pelbagai kaedah pengawetan makanan seperti kaedah penjerukan, kaedah pengeringan, kaedah penyejukbekuan dan kaedah fermentasi. Kepelbagaian produk yang terdapat dipasaran menggunakan proses pengawetan makanan dan minuman melalui proses fermentasi. Antara makanan dan minuman yang melalui proses pengawetan secara fermentasi atau penapaian seperti cuka, tapai, roti, kicap, sos, budu, belacan, kordial, dadih, yogurt, aiskrim, keju, dan lain-lain. Persoalannya, apakah hukum etanol semulajadi dalam makanan berfermentasi? Berapakah peratusan kandungan etanol dalam makanan dan minuman tersebut? Adakah fatwa yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM iaitu 0.01% kandungan etanol masih lagi relevan diamalkan pada masa kini?

Penggunaan etanol industri dalam makanan dan minuman berfungsi sebagai pelarut universal untuk pengekstrakan bahan pewarna dan perisa serta penstabil minuman ringan. Contoh makanan dan minuman yang dicampur perisa dan pewarna seperti coklat, kek, aiskrim, minuman ringan ringan yang secara tidak langsung menggunakan etanol industri tersebut. Persoalannya, apakah hukum etanol yang digunakan sebagai pelarut bahan perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman? Bagaimanakah status hukum makanan dan minuman yang menggunakan bahan perisa dan pewarna tersebut?

1.4 Objektif Kajian

Di dalam menjalankan kajian ini, antara beberapa objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan konsep arak dan konsep alkohol dari kaca mata ulama silam dan kontemporari serta ilmuan.
2. Mengenalpasti cara pembuatan etanol dan arak secara terperinci.
3. Menganalisis hukum penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman sama ada terdapat persamaan dengan arak atau tidak.

1.5 Skop Kajian

Dalam penyelidikan ini, pengkaji menfokuskan kepada perbincangan penggunaan alkohol dalam pemakanan menurut perspektif syarak. 'Alkohol' tersebut hanya ditumpukan kepada etanol atau etil alkohol. Pengkaji menumpukan perbincangan kepada dua subjek utama iaitu konsep arak dan alkohol.

Pengkaji akan memfokuskan kepada konsep arak meliputi definisi arak serta perselisihan ulama dalam mendefinisikan arak, hukum berkaitan arak, jenis-jenis arak, serta proses pembuatan arak. Manakala bagi kepada konsep alkohol, pengkaji menumpukan kepada definisi alkohol, jenis-jenis alkohol, proses penghasilan alkohol (etanol), fungsi alkohol serta hubungan antara alkohol dan arak.

Selain itu, skop kajian ini juga menjelaskan makanan dan minuman yang melalui proses fermentasi dalam pengawetan makanan dan mengandungi alkohol. Pengkaji membahagikan kepada tiga subtopik iaitu makanan berfermentasi substrat pepejal (*solid substrate fermentation*) iaitu tempe. Bagi makanan berfermentasi substrat separa pepejal (*semi-solid substrate fermentation*) iaitu tapai dan makanan berfermentasi substrat cecair (*liquid substrate fermentation*) iaitu kicap. Di samping itu, pengkaji membincang penggunaan etanol industri dalam makanan dan minuman. Antara sampel makanan dan minuman bagi penggunaan etanol industri iaitu coklat, aiskrim, kek, minuman ringan (Coca-Cola dan Pepsi Cola).

Seterusnya, pengkaji menganalisis hukum penggunaan etanol dalam makanan dan minuman. Pengkaji membahagikan perbincangan analisis hukum penggunaan etanol dalam makanan dan minuman kepada tiga kategori. Pertama, analisis hukum etanol semulajadi dalam makanan berfermentasi. Kedua, analisis hukum penggunaan etanol industri dalam makanan dan minuman yang menjelaskan analisis hukum penggunaan etanol sebagai pelarut perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman serta penstabil minuman ringan. Ketiga, analisis hukum etanol yang memabukkan (dalam arak).

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ilmiah ini amat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat kerana ianya berkaitan dengan isu kepenggunaan. Isu kepenggunaan itu difokuskan kepada isu hukum penggunaan alkohol (etanol) dalam pemakanan. Ia boleh menambahkan lagi bahan bacaan dan literatur berkaitan alkohol (etanol) dalam makanan.

Kajian ini diharapkan dapat memberi input dan meleraikan kekeliruan dalam masyarakat berkaitan perbezaan istilah alkohol dengan arak, hubungkait antara arak dan alkohol (etanol) dan cara pembuatan etanol dan arak secara terperinci. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi penjelasan tentang makanan dan minuman yang melalui proses fermentasi makanan dan mengandungi alkohol serta mengetahui hukum penggunaan alkohol dalam makanan sama ada menyamai hukum arak atau sebaliknya.

Kajian ini bermanfaat kepada pihak JAKIM sebagai input tambahan berkaitan alkohol dalam makanan dan minuman. Ini kerana pihak JAKIM telah membuat kajian berkaitan alkohol menurut pandangan Islam dan alkohol sebagai penstabil minuman ringan. Ia juga boleh dijadikan landasan bagi pihak JAKIM menilai semula fatwa dikeluarkan bahawa minuman kordial yang mengandungi jumlah alkohol 0.01% tidak akan menyebabkan kemabukan tidak lagi relevan kerana terdapat makanan yang mengandungi lebih 0.01% kandungan alkohol tetapi tidak memabukkan. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh diterbitkan sebagai buku panduan halal dan haram dan dipasarkan kepada masyarakat. Penerbitan ini boleh dilakukan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan lain-lain.

1.6 Sorotan Kajian-kajian Lepas (*Litreture Review*)

Secara umumnya, pengkaji telah membuat sorotan kajian-kajian lepas terhadap tajuk kajian ini. Kajian-kajian lepas dilakukan bagi melihat kajian-kajian atau pengkajian yang pernah dilakukan. Kajian ini dilakukan bagi mengisi kelompongan yang terdapat pada isu yang berkaitan alkohol. Pengkaji membahagikan sorotan kajian lepas yang telah dilakukan kepada tiga pengkelasan iaitu konsep arak, konsep arak dari perspektif Islam dan konsep alkohol dari segi kimia dan sains makanan. Perinciannya adalah seperti berikut:

Pertama: Konsep Arak

Pengkajian-pengkajian yang berkenaan konsep arak telah ditemui oleh pengkaji dalam bentuk karya-karya silam, karya-karya kontemporari dalam bahasa Arab, bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris. Jika ditinjau pengkajian klasik, kebanyakan ulama silam tidak membahaskan alkohol secara langsung. Namun, perbincangan dibuat hanya berkaitan dengan *al-khamr* dari perspektif Syarak dan isu-isu berkaitan.

Secara keseluruhannya, perbahasan *al-khamr* atau arak ini di dalam *Bāb Al-‘Aṭ‘imah wa Al-‘Ashribah*. Contohnya, perbahasan dalam “*al-Mughnī*”³ *Kitāb Ashribah*, menjelaskan secara penyataan masalah dan penyelesaiannya. Masalah tersebut berkaitan hukuman 40 sebatan bagi orang yang minum minuman yang memabukkan, hukum *‘aṣīr* dan *zabīb* selepas tiga hari, hukum arak berubah menjadi cuka dan lain-lain. Seseengah ulama membahaskan bab *ḥad* ke atas peminum arak dan benda-benda yang

³ Ibn Qudāmah dan Ibn Aḥmad al-Kharqī (1982), *Al-Mughnī*, juz ke 10, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 325-343.

memabukkan secara berasingan dan difokus dalam *Kitāb al-Ḥudūd*. Antaranya Abī Ishāk al-Shirazī Ibrāhīm bin Alī⁴, Dr Muhammad al-Zuhāyilī⁵ dan Ibn al-`Asīr⁶.

Prinsip asal pada minuman itu halal, kecuali apa yang diharamkan daripada minuman adalah yang membawa kemudaratan, bernajis dan memabukkan. Inilah yang dihuraikan dalam “*Fiqh al-Manhājī ‘alā Mazhab al-Imām al-Syāfi‘*” (2003)⁷. Ia dijadikan sebagai prinsip bagi penentuan hukum bagi halal atau haram sesuatu makanan dan minuman.

Di samping kitab-kitab silam, konsep arak juga turut diulas dalam mawsū`ah seperti *Mawsū`ah Al-Fiqh Al-Islamī Al-Mu`āsir* (2005)⁸ dan *al-Mawsū`ah Al-Fiqhiyyah* (1993).⁹ Perbincangan berkisarkan jenis-jenis arak, jenis-jenis minuman yang memabukkan dan hakikat bagi setiapnya, pengharaman arak iaitu pengharaman buat selamanya, hukum penggunaan arak dalam perubatan, hukum memanfaatkan *al-khamr*, kenajisan arak dan lain-lain.

Selain buku-buku dalam bahasa Arab, terdapat juga buku-buku dalam bahasa Melayu yang membicarakan mengenai konsep arak dari mata kaca Islam. Antaranya bukunya “*Mereka Bertanya Tentang Islam* (1998)¹⁰”, “*Halal & Haram Dalam Islam*

⁴ Abī Ishāk al-Shirazī Ibrāhīm bin `Alī (1996), *Kitāb al-Tanbīh fī al-Fiqh al-Syāfi`e*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 219-220.

⁵ Muḥammad al-Zuhāyilī (Dr)(2008), *Al-Mu`amidu fī al-Fiqh al-Syāfi`e*, juz. 5. Damshiq: Dār al-Qalam, h. 219,222-225.

⁶ Ibn al-`Asīr (2008), *Al-Shāfi`i fī Sharāḥ Musnad al-Syāfi`e*, juz. 5. Manṣurah Mesir: Dār al-Kalimah, h. 259-268.

⁷ Imām Abī `Abd Allah Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi`e (t.t), *Al-Umm*, juz. ke 2, Beirut: Dār al-Kitāb al-Ilmiyyah, h. 387.; Muṣṭafa al-Khin (Dr), Muṣṭafa al-Bughā (Dr) & `Alī al-Sharbajī (2003), *al-Fiqh al-Manhājī ‘alā Mazhab al-Imām al-Syāfi`e*, j. 1, c. ke-5. Damshiq: Dār al-Qalam, h. 504-506.

⁸ `Abd al-Halīm `Auwis (Dr) (2005), *Mawsū`ah al-Fiqh al-Islāmī al-Mu`āsir*, juz. 3. Al-Manṣurah: Dār al-Wafa`, h. 546-549.

⁹ Wuzārah al-Auqāf wa al-Syi`un al-Islāmiyyah (1993), *al-Mawsū`ah Al-Fiqhiyyah*, juz. 5, c. ke 4. Mesir: Dār al-Ṣofwah, h. 11-28.

¹⁰ Muhammad al-Hillawi (1998), *Mereka Bertanya Tentang Islam*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 92-115.

(2000)¹¹” dan “*Hukuman dalam Islam Undang-undang Islam: Satu Kajian Perbandingan.*”¹²

Fatwa juga ada menjelaskan hukum minuman yang diharamkan dalam Syariah. “*Fatwā Nawāfil*”¹³ menyebut terdapat empat jenis minuman yang diharamkan iaitu arak daripada anggur yang mendidih, bergelora dan menghilangkan buih, ‘*asīr*’ apabila atau dikenali sebagai *al-ṭalā’*, *naqī` al-tamr* dan *naqī` al-dhabīb*. Empat jenis minuman yang diharamkan ini sama dengan perbincangan dalam “*Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadi*”¹⁴ tetapi perbincangan mengenai *al-khamr* dibuat secara terperinci.

Pengkaji juga turut merujuk beberapa kertas kerja yang telah dibentangkan. Antaranya seminar bulanan Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk “Arak Mengikut Pandangan Fuqaha”¹⁵. Kertas kerja ini menjelaskan secara ringkas tentang jenis minuman yang memabukkan dan beberapa pandangan ulama mengenainya.

Selain itu, kertas kerja bertajuk “Penyalahgunaan Dadah: Masalah dan penyelesaiannya”¹⁶. Kertas ini membahaskan penyalahgunaan dadah masih berleluasa hingga kini kerana menolak konsep *al-khamr* yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dengan jelas dan nyata. Kedua, kertas kerja bertajuk “Kesan-kesan Buruk Alkoholisme

¹¹ Yusuf al-Qaradawi (Dr) (2000), *Halal & Haram Dalam Islam*, c. ke 3. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h. 154-159.

¹² Hukuman dalam Islam Undang-undang Islam: Satu Kajian Perbandingan. Muhammad Salleh El-Awa (terj.). Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 62-72.

¹³ Al-Imām al-Faqīh al-Zahid Abī al-Lais Nas bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī al-Hanafī (2004), *Fatwā Nawāfil*. Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 433-434.

¹⁴ Sheikh Burhan al-Din Abī Ḥasan `Alī bin Abī Bakar bin `Abd al-Jalīl al-Rāshidī al-Marqani (t.t), *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadi*, juz. 3. Mesir: Sharikah Maktabah wa Muṭabiah Muṣṭafa al-Bāb al-Jalāi wa Aulāduhu, h. 108-115.

¹⁵ Muhammad Hj. Md. Daud “Arak mengikut pandangan fuqahak” dalam Mohd Ridzuan b. Awang (1988), *Isu-isu Syariah dan Undang-undang*, Siri Kumpulan Kertas Kerja. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁶Hasbullah bin Haji Hussin (Dr) “Penyalahgunaan Dadah: Masalah dan penyelesaiannya” Seminar Bahaya Alkohol Dan Penggunaan Dadah Peringkat Kebangsaan, 27-30 Januari 1984. UKM.

dan Merokok dalam Masyarakat Kita”¹⁷ dan ketiga, kertas kerja bertajuk “Islam sebagai Alternatif Terbaik dalam Menyelesai Masalah Arak dan Dadah”¹⁸.

Di samping pengkajian dari segi syara`, pengkaji juga mendapati pelbagai buku yang membahaskan berkaitan konsep arak ini dari perspektif sosial. Majoriti pengkajian yang dikupas oleh pengkaji barat memberi maksud alkohol itu adalah minuman keras atau minuman beralkohol. Maka, isu yang dibincangkan kebanyakannya melibatkan soal sosial masyarakat. Isu yang sering diketengahkan adalah seperti ketagihan alkohol, punca-punca ketagihan alkohol, kesan-kesan ketagihan alkohol, cara-cara pencegahan alkohol.

Dalam pengkajian-pengkajian bahasa Inggeris di sebut istilah ‘*alcoholism*’, ‘*alcoholic*’ membawa maksud ketagihan alkohol. Antara tajuk yang dikupas seperti ‘*Alcohol and Its Acute Effects*’ dalam buku “*Concept of Chemical Dependency* (1993)¹⁹”, ‘*Alcohol and the Human Body*’ dalam buku “*Social Drinking The Effects of Alcohol*”²⁰ dan ‘*Alcoholism: Acute Treatment* dihurai’ dalam buku “*Drug and Alcohol Abuse A clinical Guide to Diagnosis and Treatment*”.²¹

¹⁷Marry Assunta Kolondai “Kesan-kesan Buruk Alkoholisme dan merokok dalam masyarakat kita” Seminar Bahaya Alkohol Dan Penggunaan Dadah Peringkat Kebangsaan, 27-30 Januari 1984. UKM.

¹⁸ Kamaruddin bin Mohd Noor “Islam sebagai alternatif terbaik dalam menyelesaikan masalah arak dan dadah” Seminar Bahaya Alkohol Dan Penggunaan Dadah Peringkat Kebangsaan, 27-30 Januari 1984.

¹⁹Harold E. Doweiko (1993), *Concept of Chemical Dependency*, 2nd ed. California: Brooks cole Publishing Company, h. 25-33.

²⁰ Giorgio Lolli, M.D (t.t), *Social Drinking The Effects of Alcohol*. New York: Collier Books, h. 21-31.

²¹ Marc A. Schuckit (t.t), *Drug and Alcohol Abuse A Clinical Guide to Diagnosis and Treatment*, sixth ed.USA: Springer, h. 112-129.

Kedua: Konsep Alkohol Dari Perspektif Islam

Konsep alkohol tidak dibincangkan secara langsung oleh ulama silam, tetapi terdapat beberapa ulama kontemporari yang membincangkannya secara lebih fokus dan mencuba mengistinbatkan hukumnya secara berasingan daripada hukum arak sekalipun ianya ada kaitan dengan arak. Antara ulama yang paling menonjol dalam membincangkan isu alkohol dari sudut fiqh ialah Dr. Wahbah al-Zuhāyilī²² Dr. `Abd al-Karīm Zāydān,²³ Dr. Nazih Ḥammād.²⁴

Di samping itu, Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī ada menyebut berkaitan hukum alkohol dalam kitab “*al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islam*”²⁵. Tetapi, huraianya tidak secara jelas kerana ia disebut ketika mengulas tentang arak. Dalam kitab “*Yas’alūnaka fī al-Dīn wa al-Ḥayah*”²⁶ karangan Dr. Muḥammad Sharbaṣī mengulas mengenai kesucian alkohol. Buku “Hidup Sejernih Embun tanpa dadah, tanpa arak dan tanpa rokok (1995)”²⁷ ditulis oleh Umamah Al-Edrus membicarakan mengenai konsep arak dari sudut Islam dan menghuraikan isu alkohol seperti proses penghasilan alkohol, kegunaan alkohol, kesan minum alkohol terhadap otak dan hati, ketagihan alkohol dan kesan terhadap masyarakat.

²² Wahbah al-Zuhāyilī (Dr) (1997), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, juz. 7, c. 4. Damshiq: Dār al-Fikr al-Muāṣir, h. 5264-5265.

²³ `Abd Karīm Zāydān (t.t), *Al-Mufaṣṣal Ahkām al-Mar’āh wa al-Baīt al-Muslim fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*, j.3. Baghdad: Mua’sasah al-Risālah, h. 58.

²⁴ Nazih Hammad (Dr) (2004), *Penggunaan Bahan-bahan yang Haram & Najis di dalam Makanan & Ubat-ubatan*, Dr. Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari (Terj.). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h. 74 & 75.

²⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (Dr) (1977), *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī Islam*, c. 11. Al-Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 62.

²⁶ Muḥammad Sharbaṣī (Dr) (1972), *Yas’alūnaka fī al-Dīn wa al-Ḥayah*, jil.2. Beirut: Dār al-Ra’id al-`Arabī, h. 30-31.

²⁷ Umamah Al-Edrus (1995), *Hidup Sejernih Embun tanpa dadah, tanpa arak dan tanpa rokok*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 30-43.

Di samping buku-buku, kertas kerja berkaitan konsep alkohol menurut Islam turut juga dirujuk oleh pengkaji. Kertas kerja tersebut bertajuk “Kegunaan alkohol di dalam makanan dan wangian mengikut pandangan Islam”²⁸ dalam Seminar Flavour and Fragrance Workshop & Exhibition (1999). Kertas kerja ini menghuraikan konsep alkohol secara ringkas. Selain itu, kertas kerja dalam pembentangan di Seminar Bahaya Alkohol Dan Penggunaan Dadah Peringkat Kebangsaan bertajuk “Isu-isu berkaitan dengan alkohol dari pandangan polis”²⁹. Kertas kerja ini berkisarkan tabiat minum alkohol mempengaruhi perlakuan kejadian-kejadian jenayah, akibat minum alkohol.

Pengkaji juga telah mendapatkan kertas kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke 7³⁰ daripada pihak penolong pengarah Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berkaitan “Alkohol menurut pandangan Islam”. Huraian konsep alkohol dibuat secara terperinci dari pandangan ulama dan juga pendapat para ahli kimia untuk mendapatkan keputusan yang tepat mengenai hukum alkohol. Oleh itu, kertas kerja ini sangat berkaitan dengan tajuk kajian dan dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

Bagi isu makanan dan minuman yang mengandungi alkohol diulas secara jelas dalam buku “*Halal Food Production*”³¹ bawah tajuk ‘*Alcohol in Halal Food Production, Halal Production Requirements for Dairy Product and Enzymes in Halal Food Production*’. Manakala buku “*Penjenamaan Halal satu Paradigma Baru*”³²

²⁸ Mustafa b. Omar “Kegunaan Alkohol Di Dalam Makanan dan Wangian Mengikut Pandangan Islam”, Seminar Flavour and Fragrance Workshop & Exhibition. 30 Jun-1 July 1999. Jasmine Room Chemical Engineering Pilot Plant.

²⁹ “Isu-isu berkaitan dengan alkohol dari pandangan polis”, Seminar Bahaya Alkohol Dan Penggunaan Dadah Peringkat Kebangsaan, 27-30 Januari 1984.

³⁰ Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, “Alkohol Menurut Pandangan Islam”, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke 7. 11 -12 April 1984. Bilik Gerakan Jabatan Kerajaan Ipoh, Perak.

³¹ Mian N. Riaz & Muhammad M. Chaudry (t.t), *Halal Food Production*. London: Crc Press, h. 115-120.

³² Mohd Noorizzuddin Nooh (2007), *Penjenamaan Halal satu Paradigma Baru*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, h.

mengetengahkan prinsip-prinsip makanan halal dan haram serta ingredient makanan yang menjadi cabaran Malaysia dalam menangani isu halal seperti alkohol, gelatin, lemak haiwan.

Pengkaji mendapati hanya terdapat satu pengkajian disertasi di peringkat Ijazah Sarjana daripada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang berkait dengan tajuk kajian. Disertasi tersebut bertajuk “Hukum Penggunaan Alkohol Dalam Rawatan Penyakit” oleh Najmuddin bin Ghani (2007)³³. Kajian ini menfokuskan kepada konsep alkohol dan arak, ubat-ubatan yang beralkohol dan penyakit-penyakit yang memerlukan rawatan ubat beralkohol serta hukum menggunakan ubat beralkohol. Kajian ini merungkai permasalahan yang timbul dari penggunaan alkohol dalam masalah perubatan atau perawatan penyakit.

Antara natijah atau penemuan adalah peranan etanol dalam perubatan dan perawatan penyakit untuk membunuh virus ketumbuhan dalam salur darah uri yang boleh menyebabkan kematian janin. Selain itu, etanol digunakan dalam ubat-ubatan bertujuan untuk melarutkan ubat-ubatan tidak dapat dilarutkan dengan air semata-mata, mengadun ubatan iaitu proses percampuran antara dua ubat, pengawet untuk memelihara kandungan ubat-ubatan dan memperelokkan rasa sesuatu ubat. Antara ubat yang mengandungi alcohol adalah *Paracetamol* dan *Diphenhydramine* (12% alcohol), *Polaramin* (7% alcohol) dan lain-lain.

³³ Najmuddin bin Ghani Hukum (2007), Penggunaan Alkohol Dalam Rawatan Penyakit, Kuala Lumpur (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Syariah, Universiti Malaya).

Ketiga: Konsep Alkohol Dari Segi Kimia dan Sains Makanan

Pengkajian-pengkajian berkaitan alkohol dari segi kimia dan sains makanan kebanyakannya ditulis oleh ahli-ahli sains. Ia lebih menjurus kepada pengkajian saintifik. Pengkaji telah merujuk beberapa sumber mengenai konsep alkohol dari sudut kimia bagi membantu kajian dijalankan. Antaranya "*Jurnal Halal*"³⁴ bertajuk 'Penjenisan alkohol dan Kesan Penggunaannya dalam Makanan dan Minuman'. Artikel ini menjelaskan penggunaan alkohol dalam makanan sebagai perasa makanan serta faktor-faktor yang mempengaruhi kandungan alkohol dalam darah.

Selain itu, alkohol juga di kupas dalam kertas kerja bertajuk 'Alkohol sebagai Bahan Kimia dan Kegunaannya dalam Kehidupan'³⁵. Kupasan yang dibuat secara ringkas merangkumi alkohol sebagai bahan kimia, sifat-sifat alkohol, proses pembuatan alkohol secara sintesis dan penapaian, kegunaan alkohol dan kesan alkohol terhadap diri manusia.

Pengkaji juga turut merujuk kertas kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke 22³⁶ bertajuk 'Alkohol Sebagai Penstabil Dalam Minuman Ringan Menurut Islam'. Perbahasan dilakukan secara terperinci bagi mendapatkan keputusan hukum. Penjelasan daripada saintis terhadap isu ini juga turut diambilkira dalam memutuskan keputusan. Pengkaji juga mendapati buku-buku terjemahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu yang turut membincangkan konsep alkohol secara kimia iaitu bertajuk 'Alkohol

³⁴Dzulkifly Mat Hashim dan Nurul Hayati Abdul Majid (2008). 'Penjenisan alkohol dan kesan penggunaannya dalam makanan dan minuman' dalam "*Jurnal Halal*". Selangor: Bahagian Hub-Halal JAKIM, h. 21-33.

³⁵Bohari Mohd. Yatim 'Alkohol sebagai bahan kimia dan kegunaannya dalam kehidupan' dalam Mohd Ridzuan b. Awang (1988), *Isu-isu Syariah dan Undang-undang*, Siri Kumpulan Kertas Kerja. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 33-47.

³⁶ Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 'Alkohol Sebagai Penstabil Dalam Minuman Ringan Menurut Islam', Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke 7, 24 dan 25 November 1988. Dewan Syura Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana Kuala Lumpur.

Industri' dalam buku "Bioteknologi Asas"³⁷. Begitu juga buku "Petunjuk Kesehatan Penyalahgunaan Alkohol"³⁸ mengulas alkohol dari sudut kimia secara ringkas dan lebih banyak menumpukan dari segi sosial dan kesihatan.

Bagi isu makanan dan minuman yang mengandungi alkohol diulas secara jelas dalam buku terjemahan bertajuk "Pengenalan Sains Makanan"³⁹ menghuraikan secara terperinci mengenai bahan tambah makanan, sebab-sebab perubahan makanan iaitu daripada aktiviti mikrob, tindak balas enzim dan tindak balas kimia, serta pemprosesan makanan dari hasil tenusu, bijirin, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain.

Begitu juga, buku "*Teknologi Pengawetan Makanan (1988)*"⁴⁰ turut dirujuk oleh pengkaji dan ianya mengulas berkaitan prinsip-prinsip pengawetan makanan melalui fermentasi termasuklah fermentasi gula, fermentasi cuka. Buku "Kimia Makanan"⁴¹ menghuraikan berkaitan perisa daripada fermentasi asid laktik-etanol, pentekstur alkohol polihidrik.

Terdapat juga buku-buku yang membincangkan secara ringkas seperti buku "*Handbook of Food Preservation (2007)*"⁴², "*Handbook of Food and Beverage Fermentation Technology (2004)*"⁴³ dan "*Fermentation Biotechnology Principles,*

³⁷ John Bu Lock & Bjorn Kristiansen (2002), *Bioteknologi Asas*, Yusuf Abdul Hamid, Ibrahim Che Omar dan Carah Ibrahim (terj.). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 285-297.

³⁸ Brian R Ward (1993), *Petunjuk Kesehatan Penyalahgunaan Alkohol*, Zainariah Wahab (terj.). Petaling Jaya: Penerbit Pan Earth Sdn. Bhd., h. 6-40.

³⁹ John T.R. Nickerson & Louis J. Ronsivalli (1989), *Pengenalan Sains Makanan*, Mohd Khan Ayob, Aminah Abdullah dan Zawiah Hashim (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 54, 89-107, 201, 282, 294.

⁴⁰ Norman W. Desrosier & James N. Desrosier (1988), *Teknologi Pengawetan Makanan*. Mohd Yusop Abu (terj.), ed. 4. Serdang Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia, h. 324-331, 337-358.

⁴¹ Owen R. Fennema (1993), *Kimia Makanan*, Soleha Ishak (terj.), jil. 2, ed.2. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 70-71, 119-121.

⁴² M.Shafiur Rahman (2007), *Handbook of Food Preservation*, ed. 2. London: Crc Press, h. 216-232.

⁴³ Y.H.Hui, Lisbeth Meunier Goddik, Ase Solvejg Hansen (et.l) (2004), *Handbook of Food and Beverage Fermentation Technology*. New York: Marcel Dekker Inc, h. 481-492.

Processes and Product (1989).”⁴⁴ Begitu juga, buku “*Penghasilan Makanan Peraman Terpilih*”⁴⁵ menjelaskan secara ringkas proses penghasilan makanan peraman terdiri daripada cencaluk, kicap, kimchi, pekasam, tapai, tempe dan yogurt.

Di samping itu, pengkaji juga turut merujuk beberapa buah buku lagi berkaitan produk harian makanan dan minuman yang mengandungi alkohol iaitu buku “*Food Flavours Part A. Introduction* (1982)”⁴⁶, “*Food Microbiology and Hygiene* (1992),”⁴⁷ “*Food Flavour Technology* (2002)”⁴⁸, “*The Stability and Shelf Life of Food* (2000)”⁴⁹. Selain itu, ada juga pengkajian yang mengulas secara umum berkaitan fermentasi makanan dan produknya iaitu buku *Fermentation and Food Safety* (2001)⁵⁰ karangan Martin R. Adams dan M.J. Robert Nout. Begitu juga dalam buku “*Food Science*”⁵¹ karangan oleh Norman N. Potter. Perbincangan ini selalunya dalam bahagian *Food Fermentation*. Keseluruhannya menyatakan bahawa makanan dan minuman yang mengalami kaedah pemprosesan secara fermentasi, maka ia sekaligus akan mengandungi alkohol.

Oleh itu, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dirujuk, pengkaji mendapati perbincangan mengenai konsep arak telah banyak dibincangkan. Konsep arak itu dikaji dari pelbagai aspek seperti keagamaan, sosial, ekonomi, politik, kesihatan dan sebagainya. Bagi kajian lepas terhadap konsep alkohol menurut Islam, semua

⁴⁴ Owen P.Ward. (1989), *Fermentation Biotechnology Principles, Processes and Product*. London: Open University Press, h. 108-127.

⁴⁵ Q.L.Yeoh, Nor Azmi, O.Normah dan A.Normah (1992), *Penghasilan Makanan Peraman Terpilih*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia(MARDI), h. 5-6, 13-16.

⁴⁶ I. D. Morton & A.J. Macleod (1982), *Food Flavours Part A. Introduction*. New York: Elsevier Scientific Publishing Company, h. 229-255.

⁴⁷ P.R. Hayes, (1992), *Food Microbiology and Hygiene*, ed. 2. London: Elsevier Applied Science, h. 137-143.

⁴⁸ Andrew J. Taylor (2002) *Food Flavour Technology*. United Kingdom: CRC Press, h. 125-148.

⁴⁹ David Kilcast & Persis Subramaniam (2000), *The Stability and Shelf Life of Food*. New York Washington: CRC Press, h. 197-218.

⁵⁰ Martin R. Adams dan M.J. Robert Nout (2001), *Fermentation and Food Safety*. Maryland: An Aspen Publication Gaithersburg, h. 1-48.

⁵¹ Norman N. Potter (t.t), *Food Science*, ed. 3. New York; Avi Publishing Company, INC, h. 354-372.

pengkajian tersebut amat membantu pengkaji dalam kajian ini kerana data dan maklumat tersebut amat berkait rapat dengan kajian. Namun begitu, sukar dan terlalu sedikit pengkajian secara khusus yang ditemui. Ini mungkin kerana isu ini adalah isu terkini dan masih dalam proses pengkajian berterusan. Perbincangan mengenai hukum alkohol dalam Islam ini dibincangkan oleh ulama kontemporari seperti Dr. Nazīh Ḥammad, Dr. `Abd al-Karīm Zāydan, Dr. Waḥbah al-Zuḥaylī, Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī dan lain-lain.

Pengkaji merumuskan bahawa kebanyakan pengkajian berkaitan alkohol dari sudut kimia dalam bahasa Inggeris. Jika terdapat pengkajian dalam bahasa Melayu ia lebih kepada jurnal, kertas kerja dan buku terjemahan. Setakat sorotan kajian yang dibuat oleh pengkaji, majoriti buku-buku yang ditulis oleh pengkaji barat berkaitan alkohol lebih merujuk kepada minuman keras bukannya maksud alkohol itu sendiri. Di samping itu, kajian ilmiah mengenai penggunaan alkohol dalam kehidupan harian seperti dalam makanan, kosmetik, ubat-ubatan masih tidak banyak dilakukan. Pengkaji mendapati hanya satu disertasi mengenai hukum penggunaan alkohol dalam rawatan penyakit dilakukan.

Atas kesedaran inilah, pengkaji telah melakukan kajian terhadap hukum penggunaan alkohol dalam pemakanan. Kajian ini dilakukan bagi mengisi kelompongan terhadap konsep alkohol dari sudut hukum Islam. Pengkaji juga telah memfokuskan kajian kepada isu hukum penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman yang masih lagi menjadi dilema dalam masyarakat kini. Kajian ini juga mengetengahkan beberapa sampel makanan yang mengandungi alkohol bagi mengetahui cara pemprosesan hingga wujudnya alkohol tersebut. Selain itu, konsep arak diperluaskan skopnya dalam menentukan hukum alkohol.

1.8 Metodologi Kajian

Disertasi ini secara umumnya merupakan kajian bersifat kualitatif. Pengkajian ini adalah kajian teoritikal yang cuba meletakkan asas yang jelas terhadap konsep arak dan konsep alkohol. Pengumpulan data kualitatif boleh diperolehi dari buku, jurnal, makalah, dokumen, temu bual, observasi dan lain-lain. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan dua metode utama dalam proses pengumpulan data semasa tempoh penyelidikan iaitu:

- i. Metode Pengumpulan Data
- ii. Metode Analisis Data

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data merupakan kaedah mengumpul maklumat dan data kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan betul bagi memecahkan persoalan kajian. Proses pengumpulan data hendaklah dilakukan dengan memenuhi syarat dalam strategi pengumpulan data iaitu kesahan dan kebolehpercayaan.⁵² Metode pengumpulan data kualitatif akan digunakan untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan tajuk kajian melalui sumber-sumber yang berlainan. Dua kaedah penyelidikan akan digunakan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan untuk kajian ini iaitu:

- a) Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah kaedah penyelidikan yang paling penting untuk mendapatkan data dan maklumat berbentuk pengkajian dan dokumentasi bertulis. Melalui metod ini, pencarian maklumat banyak tertumpu di perpustakaan-perpustakaan

⁵² Idris bin Awang (1993), Keperluan Metodologi Dalam Penyelidikan dan Pengkajian Ilmu-ilmu Islam dalam "*Monograf 1 Syariah Pengenalan Ilmu-ilmu Syariah*". h. 2-3.

bagi mendapatkan data-data yang sahih dan maklumat yang betul, tepat yang telah dicatatkan di dalam sumber-sumber yang berautoriti. Di bawah kajian perpustakaan ini, pengkaji telah memilih metod perpustakaan dan metod dokumentasi.

Pengkaji memilih metod perpustakaan kerana data kualitatif boleh diperolehi dari buku, jurnal, dokumen dan lain-lain. Data-data yang diperolehi akan digunakan untuk menghuraian tentang masalah yang dikaji. Selain itu, metode dokumentasi digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data. Sumber data-data yang dikumpul terdiri daripada sumber primer seperti al-Quran, al-Sunnah, kitab-kitab klasik dan buku-buku dan sumber sekunder seperti jurnal, majalah-majalah, disertasi, tesis, latihan ilmiah, kertas kerja, artikel, keratan akhbar dan sebagainya. Pengumpulan data menerusi metode ini banyak dilakukan oleh pengkaji dalam mengumpulkan data mengenai konsep arak, konsep alkohol dan prinsip-prinsip serta kaedah-kaedah Syarak yang digunakan dalam penentuan hukum penggunaan alkohol dalam pemakanan.

Melalui kedua-dua metod ini, perpustakaan utama yang menjadi sumber rujukan dan mencari maklumat kepada pengkaji adalah beberapa buah perpustakaan sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Kedah. Antara perpustakaan di kampus pengkaji sendiri yang digunakan bagi mengumpul maklumat adalah Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan peringatan Za'ba, Universiti Malaya. Pengkaji juga menjalankan proses pengumpulan data di perpustakaan Institut Pengajian Awam di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor seperti Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Selain itu, pengkaji juga turut mendapatkan maklumat di perpustakaan awam iaitu Perpustakaan Negara,

Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Negeri Kedah Darulaman dan Perpustakaan Awam Daerah Jitra Kedah. Metod ini di gunakan secara keseluruhan bagi semua bab.

Di samping perpustakaan menjadi tempat utama bagi proses pengumpulan data, pengkaji juga turut menggunakan cakera padat (CD) yang mempunyai perisian berkaitan koleksi kitab berautoriti sebagai rujukan. Semua CD tersebut dikeluarkan oleh Al-Quran & Al-Hadith Students Association.

1. *Maktabah al-Fiqh Wa Usūluhu*. Perisian ini terdiri daripada koleksi kitab dalam bidang Fiqh empat mazhab, kitab bidang Usul al-Fiqh, kitab berkaitan faraid dan fiqh al-Am.
2. *Maktabah al-Quran Wa Ulūmuhu*. Perisian ini mengandungi koleksi kitab di dalam bidang Ulum al-Quran Tafsir.
3. *Maktabah al-Hadis Wa Ulūmuhu*. Perisian mengandungi koleksi kitab dalam bidang Hadis merangkumi Kitab Mutun, Kitab Syarah Hadis dan Kitab Ulum Hadis.

b) Kajian lapangan

Kajian lapangan adalah merujuk kepada cara pengumpulan data menerusi temubual, soal selidik dan observasi. Dalam kaedah kajian lapangan, pengkaji memilih metode temu bual dan observasi. Perinciannya adalah seperti berikut:

i. Metode temubual

Metode temubual juga turut digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan fakta-fakta yang tidak didokumentasi dan sukar ditemui melalui kaedah perpustakaan. Antaranya adalah proses penghasilan etanol, proses

pembuatan arak, perbezaan istilah alkohol dan arak, peratusan kandungan alkohol terdapat dalam sampel makanan kajian ini. Metod ini akan digunakan dalam bab kedua dan ketiga.

Temu bual akademik bermaksud interaksi sosial di antara penemu bual (*interviewer*) dengan yang ditemu bual (*interviewee*).⁵³ Ia adalah sebagai cara untuk mendapatkan keterangan secara lisan daripada *interviewee* dengan cara berbual, bersoal jawab dan bersemuka dengannya. Kaedah temu bual yang akan digunakan adalah kaedah temu bual berstruktur bagi membolehkan *interviewee* yang ditemu bual lebih menjurus memberikan input dan data-data yang diperlukan. Pengkaji akan mengemukakan soalan mengikut susunan soalan yang telah disediakan kepada setiap *interviewee*.

Dalam kajian ini, *interviewee* yang dipilih berdasarkan keautoritiannya dan mewakili bidang yang dikaji iaitu Fiqh Kepenggunaan atau Fiqh Halal Haram dan bidang kimia serta pengusaha makanan berfermentasi. Antara *interviewee* yang ditemu bual di dalam kajian ini ialah:

1. En. Dzulkifly b. Mat Hashim
Ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi,
Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH)
Universiti Putra Malaysia
2. En. Khairul Akhbar Ahmad Zabidi
Pengurus Makmal Fermpro Sdn. Bhd.,
Lot 2, Kawasan Perindustrian Chuping, Kangar Perlis

⁵³Idris Awang (2009), "*Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*". Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 71.

3. Prof Madya Dr. Md Amin bin Abdullah
Pensyarah Kanan, Kuliyyah Syariah
Kolej Universiti INSANIAH, Alor Star Kedah.
4. Mr. Albert Ng
Bahagian Komunikasi Carlsberg Brewery Sdn. Bhd.,
Shah Alam, Selangor
5. Prof Dr. Khalijah binti Awang
Pensyarah Jabatan Kimia,
Fakulti Sains Universiti Malaya
6. Hj. Yusob b. Hanafiah
Pengurus Perniagaan Tempe Tani,
Kampung Lubuk Ipoh, Mukim Malau,
Jitra, Kedah Darulaman.
7. Mohd `Azam bin Hassan
Pengurus HNA Industri Makanan,
Kg Kubang Lembu, Jalan Paya,
Jitra, Kedah Darulaman.

ii. Metode observasi

Observasi juga turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat, data yang lebih tepat dan secara praktikal. Melalui metod ini, pengkaji dapat melihat, mendengar dan berfikir mengenai apakah alkohol yang sebenar, makanan dan minuman yang mengandungi

alcohol (etanol). Kaedah ini digunakan di dalam bab kedua dan ketiga. Oleh itu, pengkaji telah membuat observasi di sebuah kilang yang menghasilkan produk etanol iaitu Syarikat Fermpro Sdn. Bhd., Lot 2, Kawasan Perindustrian Chuping, Kangar Perlis. Observasi ini dilakukan bagi mendapat maklumat berkenaan proses pembuatan etanol, melihat sendiri bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan etanol dan hasilnya setelah melalui proses fermentasi.

Pengkaji juga melakukan observasi terhadap beberapa kilang atau tempat pemprosesan makanan dan minuman yang mengandungi alkohol. Antaranya adalah kilang pemprosesan kicap dan tempe. Observasi dilakukan bagi meninjau cara pemprosesan makanan tersebut. Tinjauan juga turut dilakukan di beberapa pasaraya yang menjual makanan dan minuman yang mengandungi alkohol. Pengkaji memilih pasaraya sekitar Kuala Lumpur seperti pasaraya Carefour di Midvalley, pasaraya My Din dan Haniffa, Jalan Tun Abdul Rahman. Selain itu, pengkaji juga membuat observasi di sekitar Jitra dan Alor Star, Kedah seperti pasaraya Yawata, K-Ceria, C-Mart dan Tesco.

Pengkaji juga turut membuat observasi dan temu bual secara tidak langsung di sebuah kedai “Palette Wine & Liqour shop” di Midvalley. Ia dilakukan bertujuan untuk mengetahui jenis-jenis arak yang di jual di pasaran dengan pelbagai jenama. Jenis-jenis arak daripada pelbagai jenis ini mempunyai kandungan alkohol yang berbeza-beza.

1.8.2 Metode Analisis Data

Segala maklumat dan data yang berkaitan dengan masalah yang dikaji, dikumpul akan dianalisis. Oleh itu, pengkaji akan mentafsir dan merumus data untuk mengatasi

masalah yang dihadapi menggunakan pendekatan metod induktif, deduktif bagi menganalisis data. Tiga kaedah akan digunakan dalam metode analisis data adalah seperti yang berikut:

a) Metode Induktif

Metode induktif ialah suatu cara untuk menganalisis data dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum.⁵⁴ Di dalam prinsip ilmu *Usul al-Fiqh*, metode ini dikenali dengan *kaedah Istiqra'*. Dalam metode ini, data-data yang khusus dapat dibuat kesimpulan yang bersifat umum.

Justeru, kaedah ini merupakan satu kaedah analisis data yang bersifat khusus untuk mendapatkan satu kesimpulan yang umum berhubung dengan persoalan yang dikaji. Contohnya, dalam bab kedua, perbahasan ulama silam dalam kitab klasik hanya difokuskan kepada perbahasan konsep arak, pengkaji membuat kesimpulan bahawa isu berkaitan arak dan hukum-hukum berkaitannya boleh diaplikasikan pada alkohol yang boleh memabukkan.

Contoh lain, data yang diperolehi secara khususnya mengatakan bahawa kegunaan etanol hanya untuk penghasilan arak, tetapi hakikatnya etanol banyak kegunaannya dalam pelbagai industri seperti kosmetik, bahan api, farmasi, dan lain-lain. Dalam bab ketiga, pengkaji hanya mengambil beberapa sampel produk makanan dan minuman yang mengandungi alkohol (etanol) bagi menganalisis hukumnya. Pengkaji mengharapkan hukum yang akan diputuskan bagi sampel ini boleh diaplikasikan pada produk-produk lain yang mengandungi alkohol.

⁵⁴ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yongjakarta: Yayasan Penerbitan FIP JKIP, h. 52-53.

b) Metode Deduktif

Metode deduktif di kenali sebagai *kaedah istinbat* di dalam ilmu *Usul al-Fiqh* iaitu kaedah yang membuat kesimpulan khusus dari dalil-dalil umum yang terkandung di dalam sumber naqli. Dalam konteks ini, ia adalah suatu proses membuat kesimpulan daripada maklumat atau fakta yang umum kepada yang khusus.

Contohnya, secara umumnya, kebanyakan data menunjukkan bahawa setiap arak mesti mengandungi alkohol (etanol atau etil alkohol). Namun, pengkaji merumuskan bahawa tidak semua etanol di hanya diklasifikasikan sebagai arak. Begitu juga, data secara umumnya menyatakan bahawa setiap yang memabukkan itu haram dan setiap yang haram itu adalah arak, maka pengkaji membuat kesimpulan khusus bahawa tidak hanya dikhususkan kepada arak yang memabukkan, terdapat pelbagai minuman yang memabukkan dan bukan dinamakan dengan arak. Contoh lain seperti dalam bab ketiga, prinsip asal makanan dan minuman itu harus kecuali terdapat dalil yang mengharamkannya. Secara khususnya, pengkaji merumuskan tidak semua makanan dan minuman halal dimakan, masih terdapat makanan dan minuman yang tidak halal dimakan.

c) Metode Komparatif

Metode ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan membandingkan data dan fakta yang diperolehi dalam kajian. Ia bermaksud semua data yang diperolehi akan dibuat perbezaan atau persamaan. Metode ini digunakan untuk membandingkan perbezaan atau persamaan berkaitan konsep arak dan konsep alkohol dari pelbagai segi seperti dalam bab kedua. Contohnya, pengkaji akan membuat perbandingan antara alkohol dan arak dari sudut definisi, cara proses dan lain-lain yang berhubungkait dengannya. Selain itu, metode ini juga akan digunakan dalam bab keempat iaitu dalam

menentukan hukum penggunaan alkohol dalam pemakanan. Secara umumnya, metod ini digunakan dalam semua bab untuk proses menganalisis data dan maklumat.

1.9 Kesimpulan

Bab pendahuluan ini mengemukakan latar belakang Kajian, menghuraikan masalah yang diselidiki, menjelaskan objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Selain itu, sorotan kajian-kajian lepas turut dilakukan bagi melihat kajian yang telah dijalankan dan masih belum dijalankan. Seterusnya, menjelaskan pelaksanaan penyelidikan bagi mencapai objektif yang dinyatakan melalui metodologi kajian. Dua metod digunakan iaitu metode pengumpulan data terdiri kajian perpustakaan serta kajian lapangan, serta metode analisis data terdiri daripada metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan konsep arak dan konsep alkohol. Ia juga bagi mengenalpasti cara pembuatan etanol dan arak secara terperinci. Kemudian, kajian ini juga akan menganalisis hukum penggunaan alkohol bercampur dalam makanan sama ada alkohol dalam makanan ada persamaan dengan arak atau tidak. Analisis hukum ini akan dilakukan terhadap beberapa sampel makanan dan minuman seperti dijelaskan di atas.